

Alam berkembang jadikan guru

Siri 16

SEPERTI yang telah saya gambarkan dalam siri yang ketiga yang lalu bahawa, orang - orang tua dulu dalam mencipta pepatah adalah berdasarkan alam yang terbentang luas di sekelilingnya adalah menjadi sumber ilham baginya.

Sesungguhnya setiap unsur alam semulajadi yang dicipta oleh Maha Berkuasa itu mengandungi erti dan makna bagi seseorang insan yang mahu mempelajari di samping menikmati keindahannya yang tersendiri.

Cuba amat-amati pepatah yang telah saya paparkan dulu sekali lagi supaya dapat kita renungkan bersama sejauh mana kebenarannya. Pepatah ini adalah dasar pokok dari keseluruhan pepatah yang digambarkan 'alam berkembang jadikan guru' itu.

'Alam berkembang' yang dimaksudkannya

adalah meliputi seluruh penghidupan penghuni dunia dan makhluk sama ada yang bernyawa atau tidak, dari jenis haiwan yang melata, berkaki empat dan berkaki dua, yang ganas, buas, jinak dan liar, kayu - kayan, rumput - rampai, lautan yang bergelombang dan sungai yang mengalir lesu dan lain - lain lagi yang dapat dilihat dengan mata kasar. Semuanya ini dijadikan contoh tauladan tamsil ibarat dan sumber ilham dalam ciptaan pepatah petiti dengan untaian kata - kata yang indah tersusun bahasanya.

Kalau kita mendengar dan membaca sama ada syair, pantun, gurindam, seloka, teka - teki, lirik lagu dan seumpamanya termasuk sajak - sajak moden sekarang begitu *simple* dan mudah kita mengerti dan memahaminya, tetapi

untuk menulis dan menciptakan bukanlah satu kerja mudah dan senang semudah kita membaca dan menikmatinya.

Begitulah juga halnya dengan pepatah petiti yang dicipta oleh orang tua-tua kita dulu bukanlah semudah menggoreng pisang atau membuat apam balik umpamanya.

Cuba amat - amati pepatah enam baris yang berupa pantun ini, dari pembayang maksud hingga ke maksudnya dan hayati dengan sepenuh hati. Saya percaya para pembaca akan dapat menilai sendiri di sebalik yang tersirat dan tersurat:

*Penakik pisau seraut,
Ambil galah batang lintabung,
Selodangnya jadikan nyiru,
Setitik jadikan laut,
Sekepal jadikan gunung,
Alam berkembang jadikan guru.*



OLEH A. SAMAD IDRIS